

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

TAJUK : PROJEK MRT 2 DI KAWASAN SERI KEMBANGAN

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah status projek MRT 2 sekarang?
 - Apakah projek penaiktarafan seperti pelebaran jalan, pembesaran longkang dan lain yang disyaratkan oleh pihak agensi kerajaan seperti MPSJ, JKR di kawasan Seri kembangan yang akan dilakukan oleh pihak MRT Corp setelah siap?

JAWAPAN:

- a) (sumber dr. MRT)

	Progress (June 2019)		
	Planned	Actual	Variance
Overall	50.9%	53.9%	+5w
Elevated Infra	51.4%	55.5%	+7w
System	38.1%	40.6%	+4w
Underground	54.7%		

- b) Pihak Majlis telah mensyaratkan kerja-kerja pembaikan longkang, penurapan jalan dan penambahbaikan infrastruktur di beberapa kawasan mengikut jajaran MRT yang melibatkan jalan Majlis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : HAD USIA BELIA

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap keputusan menurunkan had usia belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun yang diluluskan dalam Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 oleh Dewan Rakyat baru-baru ini?

JAWAPAN:

Dijawab bersekali soalan no. (120) daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan, soalan no. (194) daripada Yang Berhormat Hulu Kelang dan soalan no. (177) daripada Yang Berhormat Balakong.

- a) Kerajaan Negeri meneliti dengan rapat pindaan Rang Undang-Undang Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) yang menghadkan umur belia dari 40 ke 30 tahun seperti yang telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Kedudukan belia tidak disebut dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan malah senarai-senarai negeri dan persekutuan, iaitu senarai 1, 2 dan 3 tidak menyebut langsung tentang definisi belia. Dengan kata lain, negeri tidak terikat kepada akta atau peraturan yang ditetapkan oleh persekutuan berkaitan belia.

Bagi pertubuhan yang didaftarkan dibawah pendaftar belia adalah tertakluk kepada akta pertubuhan yang baharu.

Persoalannya adalah dimanakah tafsiran belia di bawah Kerajaan Negeri? Jawapannya adalah belia negeri ditafsirkan dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2014 yang menyatakan umur memegang jawatan bagi belia adalah 15-30 tahun. Walaubagaimanapun, program-program atau insentif-insentif Kerajaan Negeri merangkumi mereka yang berumur sehingga 40 tahun, seperti Insentif Perkahwinan Belia dan lain-lain insentif yang Kerajaan Negeri berpandangan diperlukan.

Ini kerana sebahagian besar belia Selangor berumur 30 tahun ke atas masih aktif dalam program pembangunan belia, aktiviti sukan dan program ‘outdoor’ dan Selangor tidak akan meminggirkan mereka.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dan kekal komited bersama Kementerian Belia dan Sukan serta pertubuhan-pertubuhan belia lain dalam setiap usaha pembangunan belia di Selangor secara khasnya dan Malaysia secara amnya.

Sekiranya Yang Berhormat mempunyai cadangan lain, saya harapkan cadangan itu boleh dimasukkan dalam perbahasan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)

TAJUK : BANGUNAN TERBIAR

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah dan contoh yang sedang dan akan diambil untuk menyelesai isu tapak pembinaan, pusat beli-belah, kompleks terbiar di dalam Negeri Selangor?

- b) Adakah perancangan untuk mentransformasi bangunan komersial kepada rumah mampu milik atau SOHO dapat ditimbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) PBT tidak mempunyai kuasa dari segi perundangan untuk mengambil tindakan terhadap projek – projek terbengkalai secara spesifik. Walaubagaimanapun, PBT boleh memantau dan memastikan tapak-tapak projek terbengkalai tersebut tidak menimbulkan kacauganggu kepada penduduk persekitaran dengan mengeluarkan arahan untuk pembersihan tapak dan memasang papan pelindung. PBT juga boleh memasuki tapak untuk kerja-kerja pembersihan dan kawalan haiwan perosak (termasuk nyamuk aedes) sekiranya pemilik gagal menjaga tapak binaan mereka.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada dasarnya tiada halangan untuk pihak pemaju mentranformasikan bangunan komersial kepada Pangsapuri Perkhidmatan / SOHO memandangkan kategori penggunaan tanah / syarat nyata tanah adalah perniagaan / komersial. Walau bagaimanapun, pindaan bangunan komersial kepada pangsapuri perkhidmatan / SOHO tersebut akan tertakluk kepada Dasar Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan dan *Boutique Office* Mampu Milik Negeri Selangor yang berkuatkuasa pemakaianya mulai 1 September 2016.

Sekiranya bangunan komersial dipinda kepada rumah mampu milik, kategori penggunaan tanah perlu ditukar kepada bangunan kediaman terlebih dahulu. Pengenaan syarat rumah mampu milik tersebut pula tertakluk kepada Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaianya mulai 2 April 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PENETAPAN KAMPUNG TRADISI

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah piawaian yang digunakan oleh Kerajaan Negeri di dalam menetapkan status kampung tradisi?
- b) Adakah pihak pentadbir Daerah dan Tanah Klang mempunyai perancangan untuk memecahkan pentadbiran Kampung Meru dan Kampung Haji Sharif kepada dua MPKK yang berasingan?

JAWAPAN:

- a) Negeri Selangor mempunyai sebanyak 371 buah Kampung Tradisi yang telah diiktiraf. Pengiktirafan Kampung Tradisi diberi berdasarkan kriteria tertentu seperti mana dinyatakan di dalam Buku Manual Panduan Kerja JKKK Negeri Selangor Darul Ehsan (September, 2001) dan Garis Panduan Dasar, Tatacara, Peraturan mengenai Pelantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung Tradisi serta Urusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Selangor, di mana definisi kampung adalah kampung-kampung yang mempunyai salah satu atau kombinasi dari kriteria seperti berikut:
 1. Kawasan yang aktivitinya 60% pertanian;
 2. Jumlah penduduk yang kurang daripada 10, 000 orang;
 3. Kurang kemudahan infrastruktur;
 4. Terletak di luar kawasan Majlis Daerah/Kerajaan Tempatan;
 5. Termasuk lingkungan kawasan kampung tradisi; dan
 6. Mengamalkan budaya desa dalam urusan harian di sesuatu kampung.

Pengiktirafan ini juga mengambil kira kemudahan sosial dan awam sedia ada di kampung-kampung tersebut seperti surau, balai raya, tanah perkuburan, kedai runcit dan kedai makan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) telah menghasilkan Pelan

Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2035 pada tahun 2016 yang bertujuan menetapkan halatuju perancangan dan pembangunan kawasan desa yang jelas dan terperinci di Negeri Selangor selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 dan Gagasan SmartSelangor.

Berdasarkan kajian tersebut, piawaian ataupun klasifikasi penilaian sesebuah Kampung Tradisi turut dibuat berdasarkan ciri-ciri seperti berikut:

1. Kampung yang wujud secara organik; dan
2. Kampung yang merupakan kawasan penempatan yang telah diwarisi oleh orang-orang Melayu untuk beberapa generasi dan mempunyai ciri-ciri perkampungan Melayu yang menonjol.

Bagi Kampung Tradisi di bandar, terdapat kampung yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi dengan majoriti penduduk terlibat dengan aktiviti bukan pertanian manakala Kampung Tradisi di kawasan desa mempunyai bilangan penduduk berdensiti rendah dan bergantung kepada aktiviti ekonomi setempat seperti pertanian, penternakan dan sebagainya dengan corak penempatan secara berjajar atau berkelompok serta masih mempunyai ciri-ciri pengekalan kedesaan yang jelas.

- b) Soalan ini akan di jawab bersekali dengan soalan daripada YB. Morib nombor 72 – Isu Kampung Tradisi Kanchong Darat.

Kajian Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2035 yang telah dijalankan pada tahun 2017 telah mencadangkan persempadanan semula kawasan kampung dengan pembentukan ‘kampung-kampung’ yang mana jumlah penduduknya kurang daripada sasaran ‘10,000 penduduk’.

Sebagai permulaan, UPEN melaui PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor) sedang memuktamadkan **Pelan Tindakan Penstrukturkan Semula Kampung Dalam Bandar Negeri Selangor 2019-2023** (PTK Desa). Kajian ini akan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif perancangan termasuklah mengkaji aspek persempadanan semula kampung-kampung dalam bandar ini memandangkan terdapat sesetengah kampung ini menerima tekanan pembangunan yang tinggi serta mempunyai bilangan penduduk sehingga 100,000 orang seperti di Kampung Bukit Naga, Klang.

Untuk itu, Kerajaan Negeri mengambil maklum akan perkara yang dibangkitkan oleh pihak YB berkenaan perkara ini. Sehubungan itu, pihak yang berkaitan iaitu penduduk kampung melalui MPKK dan Yang Berhormat ADN Kawasan boleh mencadangkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan untuk memecahkan pentadbiran ataupun sempadan Kampung Tradisi berkenaan. Namun perkara ini perlulah memenuhi kriteria – kriteria yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Dasar, Tatacara, Peraturan mengenai Pelantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung Tradisi serta Urusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Selangor seperti berikut:

- (i) Kampung tersebut merupakan sebuah Kampung Tradisi;
- (ii) Pemecahan sebuah Kampung Tradisi sedia ada disebabkan oleh pendudukan sesebuah kampung asal terlalu padat;

Sesebuah kawasan kampung juga perlu mempunyai kemudahan – kemudahan asas seperti masjid dan sekolah bagi keperluan penduduk. Pelbagai perkara juga perlu diperhalusi dan dipertimbangkan sebelum ianya diangkat sebagai satu keputusan kerana ianya melibatkan pelbagai pihak berwajib dan agensi yang akan terlibat sama di dalam membuat keputusan dasar tersebut.

Selain daripada itu, ianya juga akan melibatkan pertambahan peruntukan pembangunan, peruntukan belanja mengurus dan pelbagai kemungkinan yang akan memberi implikasi kewangan kepada jabatan dan pentadbiran Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : ISU PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah statistik tapak pelupusan sampah haram di seluruh Selangor di antara tahun 2015 sehingga kini?
- b) Berapakah dari tapak haram ini dikenakan tindakan serta jenis tindakan yang dikenakan terhadap mereka?

JAWAPAN:

Pertanyaan ini dijawab bersekali soalan no. 42 daripada Yang Berhormat Hulu Kelang berkaitan Tapak Pembuangan Haram dan Sisa Kimia Haram.

- a) & b) Jumlah tapak pelupusan sampah haram di Negeri Selangor Negeri Selangor adalah sebanyak **152 tapak**. Kesemua tapak pelupusan sampah haram ini telah diambil tindakan pemantauan oleh PBT termasuk tindakan penutupan, pembersihan, perobohan struktur binaan, sitaan alatan jentera dan proses pencarian pemilik tanah. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:-

BIL.	PBT	Bilangan Tapak	Tindakan
1.	MPSJ	49	37 tapak telah ditutup 12 tapak dalam pemantauan
2.	MPSp	30	Kesemua tapak dalam pemantauan Jentera dan peralatan diambil tindakan sitaan
BIL.	PBT	Bilangan Tapak	Tindakan
3.	MBSA	20	5 tapak laluan ditutup (tidak aktif) 4 tapak proses mencari pemilik tanah 3 tapak telah dibersihkan 3 tapak telah ditutup

			1 tapak dalam proses pendakwaan 3 tapak dalam tindakan Operasi Bersepadu 1 tapak telah diambil tindakan roboh struktur binaan
4.	MPS	19	7 tapak telah ditutup 5 tapak dalam tindakan di mahkamah oleh pihak Pejabat Tanah Daerah Gombak 2 tapak dalam proses pemulihan oleh pemilik tapak sampah haram 5 tapak dalam proses carian hak milik mengenai status tanah
5.	MPKj	18	11 tapak telah ditutup laluan (tidak aktif) 7 tapak dalam tindakan penutupan
6.	MPK	10	6 tapak telah ditutup 4 tapak dalam tindakan pemantauan
7.	MDKS	6	Kesemua tapak dalam tindakan pemantauan
8.	MDKL	Tiada	Tiada tapak sampah haram. Tetapi sebanyak 10 tapak adalah sampah longgok yang dibuang di tepi rezab jalan dan sungai. Kini dalam proses pembersihan.
9.	MDHS	Tiada	Tiada tapak sampah haram. Tetapi sebanyak 48 tapak adalah sampah longgok yang dibuang di tepi rezab jalan. Tindakan pembersihan secara <i>in-house</i> .
10.	MBPJ	Tiada	-
11.	MPAJ	Tiada	-
12.	MDSB	Tiada	-

*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

Usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah tapak pembuangan sampah haram adalah seperti:-

- 1) Memperkenalkan *Standard Operation Procedure (SOP)* melalui Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) Bil.1/2019 SOP Tindakan Penguatkuasaan Secara Bersepadu Bagi Menangani Tapak

Pelupusan Dan Pembuangan Sampah Haram Di Negeri Selangor bagi menyeragamkan tindakan dan panduan kepada semua pegawai dan kakitangan unit atau bahagian penguatkuasaan di Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- 2) bermula belanjawan tahun 2017, Kerajaan Negeri telah bersetuju agar penyaluran peruntukan dilaksanakan kepada PBT yang berpendapatan rendah bagi membantu kerja-kerja kutipan sampah di kawasan kampung tradisi;
- 3) PBT turut memberikan perkhidmatan kutipan sampah di kawasan kampung secara berjadual melalui syarikat kutipan yang dilantik atau melalui syarikat pengurusan sisa pepejal yang dilantik seperti syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM).
- 4) Pihak Kerajaan Negeri juga sedang melihat keperluan pengurusan kutipan sampah domestik di premis perindustrian, perhotelan dan pusat membeli diambil alih oleh PBT atau PMC berikutan premis tersebut telah melantik kontraktor sendiri.

Bagi isu pembuangan sisa kimia haram, jumlah tapak sisa kimia haram yang dikenalpasti di seluruh Negeri Selangor setakat Mei 2019 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah berjumlah **1,298 tapak**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Bilangan Tapak
1.	Kelang	302
2.	Hulu Selangor	270
3.	Petaling	220
4.	Kuala Selangor	136
5.	Hulu Langat	122
6.	Gombak	114
7.	Sepang	64
8.	Sabak Bernam	56
9.	Kuala Langat	13
	JUMLAH	1298

*Sumber: MESTECC

Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan dan kawalan bahan kimia dari industri adalah di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Susulan daripada pencemaran yang berlaku di selatan tanah air baru-baru ini, satu Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Bahan Buangan Terjadual Kebangsaan ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan diterajui oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTECC). Sehubungan dengan itu, bagi langkah pemantauan dan pencegahan:-

- 1) Maklumat berkaitan penjanaan dan pengurusan bahan buangan terjadual di bawah JAS hendaklah dikongsikan dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan berkaitan seperti KPKT;
- 2) Data cerapan lokasi pelupusan bahan buangan dan lokasi *hotspot* oleh Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dikemukakan kepada semua Kerajaan Negeri;
- 3) Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan seperti JAS Negeri Selangor hendaklah menjalankan pemeriksaan dan pemantauan agar buangan yang dijana dilupuskan dengan sewajarnya bagi mengelakkan insiden pencemaran alam sekitar; dan
- 4) PBT juga merekodkan aktiviti perniagaan yang dijalankan semasa proses permohonan lesen dikemukakan dan memastikan kelulusan JAS diberikan terlebih dahulu bagi aktiviti-aktiviti perniagaan yang berisiko tinggi; dan
- 5) PBT juga mengadakan lawatan berkala ke premis-premis bagi memantau aktiviti industri yang dijalankan oleh pengusaha bagi memastikan tiada pelanggaran syarat lesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : GUGUSAN INDUSTRI AUTOMOTIF

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pelan pembangunan di gugusan industri automotif dan industri sokongan.
- b) Senaraikan pelaburan yang telah berjaya dalam industri automatif dan industri sokongan.

JAWAPAN:

- a) Pihak Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor yang dipertanggung jawabkan untuk menjadi agensi penyelaras untuk pembangunan gugusan industri automotif dan industri sokongan dalam proses mendokumenkan cadangan – cadangan projek yang berkaitan industri automotif yang dirancang untuk dibangunkan di Negeri Selangor daripada agensi – agensi Kerajaan dan pihak swasta yang terlibat secara lansung dalam pembangunan industri automotif.

Selain itu, pihak Invest Selangor juga turut membantu beberapa syarikat yang terlibat dalam industri automotif untuk membuat pelaburan tambahan atau pengembangan pelaburan sedia ada.

- b) Bagi tempoh **Januari hingga Mac 2019**, pihak MIDA telah meluluskan sebanyak **5 projek perkilangan** dalam industri pengeluaran produk kelengkapan pengangkutan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 84,179,967**. Dari jumlah ini, sebanyak **RM 61,270,528** daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 22,909,439** daripada pelaburan asing. Sebanyak **171 potensi peluang pekerjaan** telah diwujudkan.

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : KEBAJIKAN WARGA EMAS

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan dan tindakan Kerajaan untuk golongan warga emas yang semakin bertambah?
- b) Berapakah jumlah pusat kegiatan warga emas yg dibina oleh Kerajaan dan bukan kerajaan kepada sistem perkhidmatan PBT di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang merupakan tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. PAWE merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (*reaching out*) dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) melalui program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang telah ditambah baik dari pemberian khairat kematian kepada pemberian manfaat sebanyak RM100.00 setahun dalam bentuk baucer Jom Shopping kepada semua warga emas yang telah berdaftar dengan SMUE.

Jika sebelum ini pemberian manfaat khairat diserahkan kepada 6% waris warga emas yang mendaftar. Namun setelah penambahan dilaksanakan, pemberian manfaat SMUE semasa hidup kini mensasarkan jumlah yang jauh lebih besar. Sehingga kini terdapat seramai 195,526 orang warga emas telah berdaftar. Jumlah ini dijangka akan meningkat selaras dengan pertambahan bilangan warga emas di Negeri Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedar bahawa bakal berhadapan dengan populasi warga emas yang melebar dengan pesat. Sehubungan itu, bagi memastikan tahap kehidupan warga emas lebih terjamin, pemaju bagi setiap projek pembangunan

baru di setiap Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyediakan ruang sekitar 1,200 kaki persegi yang akan dibangunkan sebagai Pusat Komuniti Warga Emas di Negeri Selangor.

- b) Pada tahun 2005 – 2016 terdapat 3 buah PAWE di Negeri Selangor iaitu PAWE Jenjarom, PAWE Sabak Bernam dan PAWE Sungai Buloh. Pada tahun 2017, PAWE Kg Kenanga Gombak telah ditubuhkan manakala pada tahun 2018, sebanyak 4 buah PAWE telah diluluskan iaitu PAWE Pelangi Impian Sepang, PAWE Sungai Kantan Kajang, PAWE FELDA Bukit Cherakah Kuala Selangor dan PAWE Kg. Sri Langkas Puchong.

Sehingga Jun 2019, terdapat lapan (8) buah PAWE yang beroperasi dan telah diluluskan Bantuan Kewangan Pengoperasian Pusat Aktiviti. Selain daripada itu, turut disenaraikan terdapat lapan (8) buah PAWE dalam proses penubuhan seperti berikut:

Bil	Parlimen	DUN	PAWE	Alamat	NGO
1.	Gombak	Gombak Setia	PAWE Gombak	Bilik Operasi Kompleks Sukan IIUM, Jalan Gombak,53100, Selangor	Persatuan Pesara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
2.	Kota Raja	Sungai Kandis	PAWE Kota Raja	Batu 3, Jalan Kota Raja Kg. Telok Menegon, Seksyen 36, 40640 Shah Alam, Selangor	Jawatankuasa PAWE
3.	Subang	Subang Jaya	PAWE Subang Jaya	40, Jalan USJ6/6K, 47610 Subang Jaya, Selangor	Kelab Warga Emas Subang Jaya

Bil	Parlimen	DUN	PAWE	Alamat	NGO
4.	Petaling Jaya	Taman Medan	PAWE Petaling Jaya	Dewan MBPJ PJS 10/34, Taman Dato'Hormat, Jalan PJS 10/34, 46150 Petaling Jaya	Pertubuhan Pembangunan Harapan Selangor (HOPE)
5.	Damansara	Bandar Utama	PAWE Damansara Jaya	No. 70A, Jalan SS 22/21, Damansara Jaya, 47400 Peraling Jaya	Jawatankuasa PAWE Damansara Jaya
6.	Bangi	Sungai Ramal	PAWE @UNI UKM	Aras 5, Kolej Keris Mas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 43600 Bangi	Persatuan Pesara UKM
7.	Hulu Langat	Semenyih	PAWE Beranang	Klinik Kesihatan Beranang, Jalan Semenyih, 43500 Beranang	Kelab Kebajikan Warga Emas KK Beranang
8.	Pandan	Teratai	PAWE Pandan	Dewan Komuniti Taman Muda, No. 22 – 58 Jalan Bunga Tanjung 14, Taman muda, 56100 Kuala Lumpur	Jawatankuasa PAWE Pandan

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, objektif penubuhan PAWE ini adalah seperti berikut :-

- i. Mempelbagai dan memperluaskan kemudahan-kemudahan untuk kesejahteraan dan pembangunan warga emas;
- ii. Meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif;
- iii. Memberi ruang kepada warga emas agar dihargai melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran mereka;
- iv. Menggalakkan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak dalam pembangunan warga emas dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTEWEN); dan
- v. Menyatupadukan pelbagai etnik dan agama dalam sesebuah komuniti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)

TAJUK : SMART-IPR

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perlaksanaan pangkalan data Smart-IPR dan status terkini penajaran semula program-program IPR?

JAWAPAN:

- a) Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela serta memenuhi wawasan '*shared prosperity*'.

Sukacita dimaklumkan di sini, program IPR adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya kerajaan akan berusaha untuk memberdayakan rakyat sebagai matlamat akhir kerajaan.

Bagi tahun 2019, agenda pelaksanaan program-program IPR diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan (*empowerment*) kepada para penerima manfaat IPR di Selangor.

Oleh itu, sudah tiba masanya Negeri Selangor, mengorak langkah ke suatu paradigma yang baharu sejajar dengan cita-cita untuk menjamin kebajikan rakyat negeri berteraskan suatu upaya strategik dalam menguruskan sumber negeri yang terbatas.

Selain itu, penajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasar yang tepat.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengadakan Persidangan Pengendali Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) pada Februari 2019. Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk dijajarkan kepada 3 kategori utama yang menjadikan jumlah program IPR terkini adalah sebanyak 33 program iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 18 Program IPR);
- ii) Diteruskan Dengan Penajaran iaitu secara:
 - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 15 Program IPR); dan
 - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR).

(Keterangan lanjut seperti lampiran I)

Kerajaan Negeri Selangor melalui syarikat Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB) secara proaktifnya telah melantik syarikat Smart Tech Tank Sdn. Bhd. (STT) pada 1 Mac 2019 bagi pembangunan Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) Negeri Selangor. Tempoh pelaksanaan adalah selama dua (2) tahun iaitu 2019-2020 yang merangkumi 1 tahun pembangunan, 1 tahun waranti dan penyelenggaraan.

Pelaksanaan pembangunan Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) dibangunkan secara berfasa :

- I. Pada 8 Mac 2019 (Jumaat), ‘Kick Off’ Projek Pembangunan Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bilangan 1 Tahun 2019.
- II. Hasil daripada penajaran yang dilaksanakan oleh pihak UPEN, reka bentuk pangkalan data bagi fasa pertama melibatkan lapan (8) skim IPR telah 100% siap sepenuhnya dan akan dilancarkan pada 30 Ogos 2019. Skim IPR tersebut adalah seperti berikut :
 - a) SPBT & Selgate : Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)

- b) SPBT & Selgate : Skim Peduli Sihat (SPS)
- c) YAWAS : Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
- d) Makro UPEN dan Air Selangor : Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu
- e) YAWAS : Skim Mesra Usia Emas (SMUE)
- f) YAWAS : Skim Kesihatan Wanita (MammoSel)
- g) SPBT : Bantuan Sihat Selangor
- h) LPHS : Skim Rumah Selangorku

- III. Manakala, pembangunan SSIPR bagi fasa kedua melibatkan skim selebihnya iaitu 25 IPR akan dilancarkan mengikut Jadual Perancangan Pembangunan Projek SSIPR pada 5 Mac 2020.
- IV. Status kemajuan pengintegrasian SSIPR bersama sistem sedia ada sehingga kini adalah sebanyak 65% yang melibatkan 13 skim IPR seperti berikut :
 - a) HIJRAH Selangor : Skim Hijrah Selangor
 - b) LPHS : Skim Rumah Selangorku
 - c) PPAS : Perpustakaan Bergerak Smart Selangor
 - d) BPSM : Hadiah Pengajian IPT
 - e) BPSM : Program Khas Peduli Siswa*
 - f) Makro UPEN : Bas Smart Selangor
 - g) MBI : Wifi Smart Selangor
 - h) SITEC : Apps 100 & Online 100
 - i) LPHS : Bantuan Bina dan Baiki Rumah (Kerajaan Prihatin)
 - j) Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)
 - k) SPBT : Bantuan Sihat Selangor
 - l) Sektoral : Kasih Ibu Smart Selangor
 - m) SPBT : Skim Peduli Sihat
- V. Pihak STT sedang dalam tindakan penyediaan *User Requirement System* (URS) bagi 33 skim IPR dengan status kemajuan sebanyak 80%.
- VI. Status keseluruhan pembangunan portal SSIPR sehingga Julai 2019 adalah sebanyak 34%. Walau bagaimanapun, skim Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu bagi kegunaan pihak Air Selangor telah tersedia dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

Pembangunan Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) Negeri Selangor sebagai portal gerbang digital IPR, mempunyai bank data IPR bagi kemudahan pemohon IPR memohon secara atas talian akan mempunyai ciri-ciri Single Sign On, Data Berpusat, Korelasi dengan pemetaan data, Enkripsi Data dan Papan Pemuka.

Lampiran I

IPR dijajarkan kepada 2 kategori utama dengan perincian butiran seperti berikut:

BIL.	DITERUSKAN SEDIA ADA
1.	Bas Smart Selangor
2.	<i>Wifi Smart Selangor</i>
3.	<i>Smart Selangor Mobile Library</i>
4.	Pengecualian Cukai Pintu
5.	Pengecualian Fi Lesen Penjaja
6.	Skim Smart Sewa
7.	Skim Rumah Selangorku
8.	Skim Dana Sel (<i>Rent To Own</i>)
9.	Skim CERIA
10.	Bantuan Asuhan Anakku Pintar
11.	Skim Kesihatan Wanita (MammoSel)
12.	Program Pendidikan Anak Pekerja Ladang
13.	Bantuan Am JKM

BIL.	DITERUSKAN SEDIA ADA
14.	<i>Selangor Brain Bank</i>
15.	Latihan Usahawan IT – SITEC
16.	HIJRAH Selangor
17.	<i>Blueprint Kemiskinan</i>
18.	Jom Shopping

DITERUSKAN DENGAN PENJAJARAN	
PINDAAN	KOLABORASI BERSAMA IPR SEDIA ADA
19. Skim Peduli Sihat (SPS)	Saringan Sihat Selangor kepada Skim Peduli Sihat
20. Bantuan Sihat Selangor	Panel Dialisis Sihat Selangor kepada Bantuan Sihat Selangor
21. HPIPT	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) kepada HPIPT
	Bantuan Sara Diri Anak Selangor kepada HPIPT
22. IKTISASS	Biasiswa Program Kemahiran Teknikal – INPENS kepada IKTISASS
	PROGRESS kepada IKTISASS

DITERUSKAN DENGAN PENJAJARAN	
PINDAAN	KOLABORASI BERSAMA IPR SEDIA ADA
	Program Khas Biasiswa Selangorku kepada Peduli Siswa
23. Peduli Siswa	Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor kepada Peduli Siswa
	Biasiswa Khas Sagong Tasi kepada Peduli Siswa
24. Dana Usahawan Mikro (DUMS)	Mentor Kraf dijajarkan bersama DUMS
25. Tuisyen <i>Online</i>	
26. Program Tuisyen Rakyat Selangor	
27. Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor	
28. Insentif Perkahwinan Belia	
29. Bantuan Bina dan Baiki Rumah Kerajaan Prihatin	
30. Pemberian 20 meter padu Air Percuma	
31. Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)	

DITERUSKAN DENGAN PENJAJARAN	
PINDAAN	KOLABORASI BERSAMA IPR SEDIA ADA
32. TUNAS	
33. Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR KAMPUNG MELAYU SUBANG TERMASUK
DESA SUBANG PERANTAU DAN SEKITAR**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca Utama projek tersebut tengendala yang sepatutnya siap pada 11 Oktober 2017?
- b) Apakah tindakan kerajaan untuk menyiapkan projek tersebut mengikut jadual?
- c) Apakah jaminan kerajaan bahawa projek tersebut dapat menyelesaikan masalah banjir sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Projek Tebatan Banjir Kg Melayu Subang telah tergendala dari tarikh asal penyiapan pada 11.10.2017 disebabkan faktor-faktor seperti berikut :
 - i) Isu pemindahan setinggan di dalam rezab sungai sebanyak 47 struktur yang melibatkan rumah, kedai dan bengkel. Isu ini dalam proses penyelesaian.
 - ii) Isu pengambilan balik tanah bagi 19 Lot yang termasuk dalam jajaran projek. Proses pengambilan tanah ini telah diselesaikan.
- b) Pihak kerajaan telah mengambil tindakan yang sebaiknya bagi memastikan kerja-kerja disiapkan mengikut jadual. Pemantauan melalui mesyuarat tapak secara bulanan juga diadakan bagi menangani isu-isu berbangkit semasa di tapak. Walaubagaimanapun disebabkan pemindahan setinggan yang belum selesai melewatkhan pelaksanaan projek. Usaha menyelesaikan masalah ini adalah sebagaimana kronologi seperti di Lampiran.

- c) Projek ini dijangka akan dapat melindungi Kampung Melayu Subang daripada banjir dengan rekabentuk 25 tahun ARI (*Annual Rainfall Interval*) berdasarkan kajian terperinci Rekabentuk Projek Mitigasi Banjir bagi Sungai Damansara pada tahun 2014.

LAMPIRAN

Maklumat Tambahan (b)

1.	09 November 2016	<p>Notis 425 kesalahan penduduk secara tidak sah diatas Tanah Kerajaan telah dikeluarkan oleh PTD Petaling.</p> <p>Hasil bancian yang telah dijalankan mendapati sejumlah 47 struktur binaan telah dibina di atas rezab Sungai Pelempas</p>
2.	8 Mac 2017	<p>Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MTES). Bersetuju agar :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tindakan penguatkuasaan perobohan akan dilaksanakan ii. Pengambilan balik tanah melibatkan 19 lot hakmilik, 2 lot tanah kerajaan. (isu telah selesai) iii. Kementerian Pengangkutan memutuskan tidak memberikan pelepasan ke atas tanah milik PTP tetapi membenarkan JPS meneruskan projek dengan bersyarat. (isu telah selesai)
3.	14 April 2017	Mesyuarat Pejabat Tanah Galian (PTG) Selangor - Perobohan dijangka pertengahan April 2017.
4.	04 Julai 2018	Perbincangan berkaitan 47 struktur penempatan di dalam rezab sungai bagi Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang Di Sungai Pelempas Dan Kerja-Kerja Berkaitan Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling bersama dengan YB Tuan Shatiri Bin Mansor, Adun Kota Damansara bersama Penguatkuasa PTD Petaling dan JPS yang dipengerusikan oleh Puan DO. Mesyuarat memutuskan satu perbincangan bersama pemilik akan dijalankan bagi membincangkan isu ini.

5.	16 Ogos 2018	Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Tuan Shatiri Bin Mansor, Adun Kota Damansara bersama penduduk, Penguatkuasa PTD Petaling dan JPS telah diadakan bagi tujuan perbincangan berkaitan 47 struktur penempatan di dalam rezab sungai. Mesyuarat memutuskan tawaran Rumah Selangorku bagi pemilik struktur yang terlibat.
6.	03 April 2019	<p>Perbincangan berkenaan penyelesaian masalah pendudukan tanpa kebenaran yang sah di atas Tanah Kerajaan di dalam Daerah Petaling yang dipengerusikan oleh Yg. Bhg. Datin Paduka Roslinah Binti Md Janin. Jemputan bersama bersama dengan YB Tuan Shatiri Bin Mansor, Adun Kota Damansara dan YB Tuan Mohd Khairudin Bin Othman, Adun Paya Jaras.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat bersetuju supaya PTD Petaling mengeluarkan surat kepada LPHS untuk menyediakan kuota kepada pemilik yang terlibat dengan projek menaiktaraf Sungai Kedondong dan Sungai Pelempas. Pihak LPHS perlu mengeluarkan surat tawaran kepada penduduk yang layak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan. - Mesyuarat bersetuju supaya tindakan penguatkuasaan dijalankan selepas pihak LPHS memberi tawaran kepada semua pemilik struktur yang terlibat.
7.	1 Julai 2019	Perbincangan Hala Tuju Projek Sungai Pelempas yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Ir Izham Bin Hashim yang turut dihadiri oleh YB Khairuddin, YB Shatiri, DO Pejabat Tanah dan JPS satu kata putus yang mengatakan perobohan akan diteruskan. Surat tawaran pembelian rumah Selangorku kepada penduduk setinggan akan dikeluarkan di dalam bulan Julai dan notis perpindahan selama 30 hari. Dijangka pada bulan September 2019 masalah akan selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan Skim Peduli Sihat yang berjaya didaftar di setiap DUN.
- b) Adakah kerajaan akan meluluskan permohonan jika pemohon berjaya berdaftar E-Kasih ataupun Bantuan Sara Hidup(BSH) ataupun kedua-dua sekali?

JAWAPAN:

Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan berkaitan Peduli Sihat. Justeru, soalan berkaitan Peduli Sihat akan dijawab bersekali dengan soalan soalan no.78 dari YB Sungai Pelek, soalan no.84 dari YB Bukit Lanjan, soalan no.80 dari YB Sungai Air Tawar, soalan no.163 dari YB Pelabuhan Kelang, soalan no.168 dari YB Sungai Panjang dan soalan no 232 dari YB Kuala Kubu Baru.

a dan b dijawab bersekali :-

Untuk makluman Yang Ahli-ahli Berhormat, Skim Peduli Sihat merupakan salah satu langkah pencegahan yang dicetuskan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani penyakit tidak berjangkit. Melalui program ini, masyarakat digalakkan untuk membuat saringan kesihatan bagi mengawal penyakit ke tahap yang lebih kritikal. Program ini bukanlah satu tanggungan Kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan kerana perkhidmatan rawatan kesihatan telahpun disediakan di hospital-hospital dan klinik kesihatan dengan kadar serendah RM1.00 sahaja.

Seperti yang kita semua sedia maklum, satu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 sehingga 31 Mei 2019. Proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan yang baru seperti berikut:-

- i. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Negeri Selangor melebihi 10 tahun;

- ii. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 dan ke bawah;
- iii. Bagi kategori Individu, berumur 21 tahun dan keatas dan pendapatan RM1,500 dan ke bawah;
- iv. Tersenarai dalam data E-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup bagi tahun 2018; dan
- v. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN ke 11/2019 telah bersetuju menghadkan bilangan penerima manfaat kepada 65,000 kad sahaja dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 juta bagi proses pengemaskinian tersebut.

Lanjutan itu, mesyuarat MMKN ke 9/2019 yang disahkan pada mesyuarat MMKN ke 10/2019 telah bersetuju pembahagian penerima Peduli Sihat adalah mengikut Kuota iaitu berdasarkan bilangan pengundi. Bagi kawasan Dewan Negeri yang mempunyai bilangan pengundi di bawah 30,000 orang, kuota penerima Peduli Sihat adalah 700 kad dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah :

Bil	Kategori Pengundi	Penerima Per DN
1	Pengundi Bawah 30K	700
2	Pengundi 30K-45K	1,021
3	Pengundi 45K-60K	1,381
4	Pengundi Atas 60K	1,690

YB Bukit Lanjan bertanyakan jumlah penerima Peduli Sihat sebelum penajaran adalah sebanyak 392,798 kad dan selepas proses pengemaskinian dilakukan, sebanyak 86,004 kad adalah layak memenuhi kriteria baru. Walaubagaimanapun, berdasarkan sistem kuota yang ditetapkan, sebanyak 55,277 kad sahaja telah diaktifkan pada 1 Jun 2019.

YB Pandamaran dan YB Pelabuhan Klang telah bertanyakan bilangan penerima yang telah diaktifkan mengikut Dewan Negeri selepas penajaran adalah seperti jadual di bawah:

DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF
N01	700	N20	1,296	N39	1,377
N02	703	N21	694	N40	1,107
N03	1,021	N22	752	N41	1,382
N04	701	N23	1,153	N42	1,021
N05	700	N24	1,379	N43	1,014
N06	699	N25	1,680	N44	566
N07	1,381	N26	1,375	N45	1,360
N08	705	N27	699	N46	1,015
N09	700	N28	1,023	N47	1,375
N10	826	N29	1,353	N48	819
N11	701	N30	1,646	N49	1,369
N12	725	N31	726	N50	1,097
N13	704	N32	1,374	N51	1,018
N14	1,430	N33	1,035	N52	1,018
N15	941	N34	450	N53	1,014
N16	1,014	N35	362	N54	698
N17	790	N36	294	N55	1,392
N18	1,154	N37	864	N56	704
N19	1,101	N38	1,019		

YB Sungai Air Tawar meminta maklumat pecahan penerima Peduli Sihat selepas Penajaran mengikut Kaum. Berikut adalah pecahan penerima mengikut kaum:

BANGSA	JUMLAH AHLI	PERATUSAN (%)
MELAYU	26,385	47.73%
CINA	11,237	20.33%
INDIA	17,059	30.86%
ORANG ASLI	212	0.38%
LAIN-LAIN	384	0.69%
	55,277	100.00%

YB Pelabuhan Kelang, YB Bandar Utama dan **YB Sungai Panjang** bertanyakan berkaitan peruntukan tahunan serta perbelanjaan terkini Skim Peduli Sihat.

Sehingga 14 Julai 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM72,820,411.50** sejak ianya dilancarkan pada tahun 2017. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2017	125,000,000.00	-	11,330,122.50
2018	20,000,000.00	21,490,289.00	41,490,289.00
2019*	10,000,000.00	10,000,000.00	20,000,000.00
JUMLAH			72,820,411.50

*sehingga 14 Julai 2019

YB Pelabuhan Klang dan YB Sungai Pelek bertanyakan tentang panel pemilih dan mekanisma pemutihan yang dilakukan sepanjang proses pengemaskinian data KISS dan Peduli Sihat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Proses pengemaskinian data bagi Skim Peduli Sihat telahpun dilaksanakan sepanjang tempoh pembekuan program iaitu mulai 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019.

- Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang data penerima sedia ada Peduli Sihat dengan data peserta E-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH).
- Selepas semakan silang dibuat, pihak E-Kasih dan LHDN (BSH) telah menyerahkan senarai data berkenaan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM SUK) untuk penapisan penerima yang berpendapatan RM2000 dan ke bawah sahaja.
- Kemudian, pihak BPM akan menyerahkan kesemua data penerima tersebut kepada pihak SELCARE Management. Pihak SELCARE Management pula akan menyenaraikan data penerima mengikut DUN bermula dari pendapatan yang paling rendah sehingga RM 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keseluruhan proses pengemaskinian data ini adalah melalui sistem berkomputer dan tiada panel pemilih (bersifat manual) yang terlibat dalam proses ini.

YB Kuala Kubu Baru bertanyakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri memandangkan 37% penerima Skim Peduli Sihat yang dipilih

adalah bukannya pengundi dari DUN Kuala Kubu Bharu tetapi telah mengambil kouta DUN tersebut.

Pendaftaran awal bagi Skim Peduli Sihat adalah berdasarkan tempat tinggal pemohon dan bukanlah tempat mengundi. Langkah ini diambil bagi memudahkan proses permohonan dan penyerahan kad pada masa tersebut.

Yang terakhir, **YB Bukit Lanjan** bertanyakan tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak boleh mendapatkan Skim Peduli Sihat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan baru bagi Skim Peduli Sihat ini masih diteruskan dengan baki kuota permohonan sebanyak 9961 secara keseluruhan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan proses pengagihan semula baki kuota ini kepada penerima sedia ada yang layak dan sangat memerlukan. Mekanisme pengagihan baki kuota ini masih dalam proses perbincangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)

TAJUK : KURSUS KHAS MELIBATKAN PEMIMPIN MASYARAKAT

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah ada dalam perancangan Kerajaan Negeri untuk melibatkan pemimpin masyarakat seperti Penghulu, Ketua Kampung dan Nazir Masjid diberi kursus khas berkaitan rundingcara atau kaunseling keluarga? Memandangkan mereka menjadi rujukan utama masyarakat.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi mengambil maklum bahawa pemimpin masyarakat seperti Penghulu, Ketua Kampung dan Nazir Masjid merupakan diantara individu yang dekat dengan masyarakat. Selain bertanggungjawab memimpin dan mengurustadbir kampung, mereka juga merupakan individu yang menjadi tempat meminta nasihat dan menjadi tempat rujukan oleh masyarakat sekiranya timbul masalah rumah tangga atau perkara-perkara berkaitan kekeluargaan. Justeru itu sudah semestinya mereka perlu dibekalkan dengan kemahiran berkaitan rundingcara atau kaunseling keluarga, bagi memastikan khidmat nasihat yang diberi tepat dan sekaligus membantu menyelesaikan masalah yang diutarakan.

Sehubungan itu, Jawatankuasa ini melalui Sekyen Sektoral akan membuat kolaborasi dengan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) untuk mewujudkan apa yang dinamakan sebagai rakan mediasi. Rakan mediasi akan berfungsi sebagai perantara bagi membantu menyelesaikan masalah berkaitan hubungan kekeluargaan dan rumah tangga, sekali gus diharapkan

dapat membantu mengurangkan kadar kes perceraian di kalangan masyarakat. Program yang akan dinamakan sebagai "Rakan Mediasi dan Rakan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)" ini akan **melibatkan Ketua Kampung, Imam dan Nazir Masjid** di seluruh Negeri Selangor. Secara umumnya, objektif utama penganjuran program ini adalah untuk membantu masyarakat Islam di Negeri Selangor yang sedang berhadapan dengan konflik atau perbalahan rumah tangga untuk mendapatkan khidmat mediasi di mana-mana masjid atau di mana-mana tempat yang bersesuaian yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Secara tidak langsung program ini diharapkan akan turut membantu menurunkan

kadar perceraian di kalangan orang Islam yang semakin meningkat pada setiap tahun di Negeri Selangor.

Bagi memperkasa fungsi dan peranan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPPK) berhubung isu yang diutarakan. 3 Biro yang berkaitan di dalam MPKK iaitu Biro Pemantapan Spiritual, Biro Kebajikan dan Sukarelawan serta Biro Hal Ehwal Wanita dan Keluarga akan bekerjasama dengan agensi – agensi yang berkaitan seperti KEMAS, JAIS, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, JAKIM dan lain – lain agensi yang akan dikenal pasti kemudian bagi membantu Penghulu, Ketua Kampung serta Nazir Masjid bagi menangani permasalahan yang berkaitan dengan isu kekeluargaan terutamanya dari segi memberi khidmat nasihat, runding cara dan kaunseling.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KELULUSAN LESEN MENDIRIKAN RUMAH IBADAT ORANG ISLAM DAN
BUKAN ISLAM**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengikut prosedur kelulusan kebenaran membina rumah ibadat untuk orang Islam dan bukan Islam?
- b) Berapakah jumlah kelulusan yang telah dikeluarkan mengikut agama sejak jun 2018 hingga jun 2019?
- c) Berapakah jumlah yang telah diluluskan mengikut Daerah Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa komited menyediakan tapak kemudahan ibadat dengan memastikan setiap pembangunan baru perlu menyediakan kemudahan-kemudahan mengikut Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ke 2). Bagi pembangunan baru tapak rumah ibadat, kerajaan negeri akan memastikan semua pembangunan adalah berdaftar dengan mengemukakan permohonan merancang selaras dengan keperluan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Garis Panduan Berhubung Hal Ehwal Selain Islam dan Peranan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor (Pindaan 2018) juga telah menggariskan beberapa prosedur bagi permohonan Rumah Ibadat Selain Islam seperti berikut :

- Setiap permohonan pembinaan bangunan keagamaan hendaklah dipohon atas nama persatuan melalui Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Keluasan tanah untuk kegunaan bangunan keagamaan selain Islam sedia ada di tapak adalah mengikut keluasan asal bangunan tersebut. Keluasan bangunan keagamaan selain Islam di tapak baru sama ada disediakan oleh kerajaan atau pemaju dan bagi tujuan pemindahan adalah ditetapkan tidak

melebihi 10,000 kaki persegi. Walau bagaimanapun, jawatankuasa boleh mempertimbangkan keluasan melebihi 10,000 kaki persegi mengikut kes-kes tertentu.

- Tapak bangunan keagamaan selain Islam tidak boleh ditempatkan di sekeliling loji kumbahan atau pencawang TNB.
 - Pembinaan bangunan keagamaan selain Islam adalah tidak dibenarkan di bina di kawasan lapang.
 - Penentuan jenis bangunan keagamaan selain Islam adalah ditetapkan mengikut komposisi kaum.
 - Ketinggian yang dibenarkan adalah tertakluk kepada garis panduan dan undang-undang yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - Pembinaan bangunan keagamaan selain Islam tidak akan menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam atau lalu lintas.
 - Bangunan keagamaan yang dipindahkan dicadangkan untuk ditempatkan secara tetap.

(b) dan (c) dijawab bersekali

Sebanyak 21 buah masjid dan surau telah diluluskan mengikut pecahan berikut:

Masjid : 3 buah

Surau : 18 buah

Semenjak Jun – Disember 2018, sebanyak 20 tapak rumah ibadat selain Islam telah disokong di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam iaitu 12 tapak tokong dan tapak 8 kuil. Pada Januari – Jun 2019, sebanyak 13 tapak rumah ibadat selain Islam telah disokong di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam iaitu 8 tapak tokong, 2 tapak kuil dan 3 tapak Gereja. Butiran pecahan tapak rumah ibadat yang telah disokong sejak Jun 2018 sehingga Jun 2019 adalah seperti di **Jadual 1**.

**PERMOHONAN TANAH / PEWARTAAN TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM
DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DISOKONG DI DALAM JHESI DARI JANUARI - JUN 2019**

TAHUN : 2019 (SEHINGGA JUN)

BIL .	BIL. MESY.	NAMA PEMOHON	LOKASI	DAERAH	KELUASAN	JENIS RUMAH IBADAT
Pejabat Tanah Dan Daerah Petaling						
1	Bil. 2/2019	Persatuan Pengikut Sri Maha Kottai Mathurai Veeran	Sebahagian Lot 526, Jalan TUDM, Pekan Subang Daerah Petaling	Petaling	2419 Meter Persegi	Kuil
2	Bil. 2/2019	Synod Diocese Malaysia Barat	Jalan U16/149A Elmina, Mukim Sungai Buloh	Petaling	215 Meter Persegi	Gereja
3	Bil. 2/2019	Persatuan Pengikut Dewa Sam Khow Kim Ying, Kuala Lumpur dan Selangor	Jalan PJU 1A/44, Mukim Damansara dan Bandar Petaling Jaya	Petaling	1501 Meter Persegi	Tokong
4	Bil. 3/2019	Gereja Christian Malaysia (Central Christian Church of Malaysia)	Jalan Tasik Chenderoh U4/28, Seksyen U4, Mukim Sungai Buloh	Petaling	8097 Meter Persegi	Gereja

5	Bil. 3/2019	Persatuan Penganut Buddha Ariya Vihara Kuala Lumpur dan Selangor		Petaling		Tokong
6	Bil. 3/2019	Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur		Petaling		Gereja
7	Bil. 3/2019	Persatuan Penganut Buddha Dharma Drum, Selangor dan Wilayah Persekutuan		Petaling		Tokong

Pejabat Tanah Dan Daerah Sepang

8	Bil. 2/2019	Persatuan Penganut Dewa Shing Woo Tian Sepang	Lot 2401, Kampung Baru Sepang Jaya, Bandar Sepang	Sepang	0.327 Ekar (1323.323 Meter Persegi)	Tokong
---	----------------	---	---	--------	---	--------

Pejabat Tanah Dan Daerah Klang

9	Bil. 3/2019	Persatuan Penganut Dewa Gua Restu	Lot 38881, Taman Bunga Raya, Mukim Klang	Klang	362 Meter Persegi	Tokong
---	----------------	--	--	-------	----------------------	--------

Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat

10	Bil. 3/2019	Persatuan Penganut Tokong Datuk Merah	Plot 1, Seksyen 5, Taman West Country, Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat	Hulu Langat	2344.70 Meter Persegi (0.579 Ekar)	Tokong
----	----------------	--	--	-------------	--	--------

Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Selangor

11	Bil. 2/2019	Persatuan Ajaran Ajaran Arulmigu Sri Guru Dhikshinamoorthy Swamigal, Ulu Yam Bharu, Selangor	Mukim Hulu Yam, Daerah Hulu Selangor	Hulu Selangor	1030 Meter Persegi	Kuil
----	----------------	---	--	------------------	-----------------------	------

12	Bil. 2/2019	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Xian Fa Shi Gong	PT 3493 di Kawasan Bagan Parit Baru, Mukim Sabak, Daerah Sabak Bernam	Hulu Selangor	Seluas 580 Meter Persegi	Tokong
Pejabat Tanah Dan Daerah Sabak Bernam						
13	Bil. 1/2019	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Xian FA Shi Gong	PT 3493 Bagan Parit Barum Mukim Sabak	Sabak Bernam	580 Meter Persegi	Tokong

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : PERTUMBUHAN EKONOMI

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri telah mempunyai '*economic and industrial blueprint*' untuk mendepani cabaran ekonomi semasa yang akan melonjakkan pertumbuhan ekonomi khususnya KDNK Selangor?

JAWAPAN:

- a) Dalam usaha mendepani cabaran ekonomi semasa serta memastikan pertumbuhan KDNK Selangor terus dinamik, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah menerbitkan **Selangor Industrial Master Plan** sebagai panduan dalam memacu pertumbuhan sektor perindustrian di Negeri Selangor.

Invest Selangor juga ketika ini dalam proses akhir bagi mendapatkan kelulusan Kerajaan Negeri terhadap beberapa Pelan Tindakan seperti berikut;-

- i. **Pelan Tindakan Halal Selangor**
- ii. **Pelan Tindakan Aero Angkasa Selangor**

Selain itu, pihak Invest Selangor juga dalam proses untuk menerbitkan **Pelan Tindakan Bioteknologi Selangor** yang mana ketika ini dalam peringkat pemilihan perunding bagi melaksanakan kajian yang akan dilakukan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU YANG SIAP

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan bilangan Rumah Selangorku yang telah diserahkan kunci kepada pemilik pada 2018 dan 2019.
 - Nyatakan bilangan Rumah Selangorku yang dijangka siap untuk diduduki pada 2019, 2020, 2021 dan 2022.

JAWAPAN:

- Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebanyak **5,862 unit dengan 15 projek** yang telah disiapkan dari tahun 2018 sehingga 30 Jun 2019. Daripada jumlah tersebut, bilangan Rumah Selangorku yang siap dan diserahkan kunci pada tahun 2018 adalah sebanyak 4,652 unit dengan 12 projek manakala bagi tahun 2019 adalah sebanyak 1,210 unit dengan 3 projek. Berikut merupakan jadual perincian projek yang siap dan diserahkan kunci mengikut tahun:-

Bil	Pemaju	Jumlah Unit
Projek Siap Tahun 2018		
1	Seristana Sdn. Bhd.	213
2	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad) DE KIARA	737
3	Gemilang Waras Sdn. Bhd. (WCT Holdings Berhad) 1H TRIFOLIS	372
4	Gabungan Efektif Sdn. Bhd. (WCT Holdings Berhad)	321
5	Gabungan Efektif Sdn. Bhd. (WCT Holdings Berhad)	240
6	PKNS Antara Gapi Bandar FASA 1D Sg Chik	80
7	NPO Development Sdn. Bhd.	12
8	Luxhome Property Sdn. Bhd	144
9	Agenda Istimewa Sdn. Bhd. Villa Kesuma	760
10	Tanming Raya Sdn. Bhd. Pangsapuri Tanming Mutiara	173
11	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad) DE PALMA	730
12	Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Dev. Berhad)	870
A) Jumlah		4,652

Bil	Pemaju	Jumlah Unit
Projek Siap Tahun 2019		
1	Hap Seng Land Dev. (Puchong) Sdn. Bhd.	472
2	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	714
3	Seri Nova Development Sdn Bhd	24
	B) Jumlah	1,210
	JUMLAH KESELURHAN (A+B)	5,862

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan Rumah Selangorku yang dijangka siap dan boleh diduduki sehingga akhir tahun 2019 adalah sebanyak **6,310 unit dengan 14 projek**. Bagi tahun 2020 adalah sebanyak **6,141 unit dengan 16 projek** manakala bagi tahun 2021 adalah sebanyak **6,452 unit dengan 14 projek**. Bagi tahun 2022 pula, jumlah yang disasarkan adalah sebanyak **5,892 unit dengan 10 projek**. Kesemua **20,209 unit dengan 48 projek** ini kini telahpun memulakan kerja pembinaan ditapak.

Kerajaan Negeri juga turut mensasarkan penambahan sebanyak **4,586 unit dengan 7 projek** dalam tempoh masa tersebut agar dapat ditawarkan kepada orang awam. Projek-projek tersebut kini dalam proses mendapatkan kelulusan kebenaran merancang dari Pihak Berkuasa Tempatan.

Secara keseluruhannya, sebanyak **24,795 unit dengan 55 projek** dijangkakan akan siap secara berperingkat sehingga tahun 2022. Perincian jumlah unit yang disasarkan siap mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun Sasaran Siap	Unit / Projek Dalam Pembinaan	Unit / Projek Dalam Perancangan	Jumlah Unit / Projek Mengikut Tahun
2019	6,310 (14)	-	7,520 (14)
2020	6,141 (16)	-	6,141 (16)
2021	6,452 (14)	180 (1)	6,452 (15)
2022	5,892 (4)	4,228 (6)	5,892 (10)
JUMLAH	20,209 (48)	4,586 (7)	24,795 (55)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM DI KUALA LANGAT

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah kilang haram yang beroperasi sebelum tahun 2008 dan telah berjaya diputihkan?
 - Berapakah jumlah kilang haram yang didirikan mulai 2008 sehingga kini? Kenapakah ianya masih berlaku?
 - Apakah jenis kategori industri yang terlibat dengan kilang-kilang haram tersebut?

JAWAPAN:

- Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006 dan tamat pada 31 Disember 2015. Berdasarkan bancian yang telah dijalankan semasa PPKTK yang dikemaskini pada 26 November 2018, terdapat **2,885** buah kilang telah dibina di atas **2,638** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK, hanya **630** buah kilang yang berjaya diputihkan melalui kelulusan tukar syarat, Kebenaran Merancang dan pelan bangunan.
- 56 unit.

Pemilik tanah dan pengusaha kilang tidak mematuhi garis panduan perancangan pembangunan (tanah di luar zon industri, kemampuan pembayaran premium tanah dan nama pemilikan tanah ramai/ada yang sudah meninggal dunia)

- c)

PBT	JENIS INDUSTRI	BIL KILANG HARAM
MDKL	Tiada Maklumat	196

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Adakah Kerajaan Negeri serius untuk memartabatkan status UNISEL?
 - b) Berapakah peruntukan yang diberikan kepada UNISEL bagi operasinya dalam 5 tahun terakhir ini?
 - c) Adakah UNISEL membuka ruang kepada sektor korporat bagi memberikan sumbangan dalam bentuk dana pembiayaan kepada operasinya sebagai CSR?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk membantu meningkatkan kualiti Pendidikan di Negeri Selangor khususnya ke arah memartabatkan institusi pendidikan di bawah kerajaan negeri seperti UNISEL. Melihat kepada keseriusan itu dari tahun 2016 hingga kini sejumlah RM40 juta telah diperuntukan untuk pembangunan infrastruktur UNISEL bagi memastikan kemudahan fasiliti yang lebih baik dan kondusif dapat disediakan. Selain itu, turut diberikan ialah dalam bentuk penajaan dan pembiayaan pendidikan untuk pelajar-pelajar yang bekelayakan yang menuntut di UNISEL oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menggalakan lepasan sekolah untuk melanjut pengajian di UNISEL.

Melalui aspek pembangunan mahasiswa kerajaan negeri sentiasa berkerjasama dengan UNISEL dalam melaksanakan program-program pemantapan mahasiswa dari aspek pendidikan, kepimpinan dan modal insan bagi meningkatkan keboleh pasaran mahasiswa. Dengan kerjasama yang erat ini kerajaan negeri berharap ia menjadi satu sinergi untuk memartabatkan UNISEL Selangor di peringkat nasional dan antarabangsa.

- b) Peruntukan yang diterima oleh UNISEL:

UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)	AUDIT			DERAF	
	2014	2015	2016	2017	2018
Geran Kerajaan Negeri	RM 17,005,000	RM 19,114,678	RM 25,117,378	RM 23,048,429	RM 42,251,631

- c) Ya, UNISEL sangat mengalui-alukan sebarang bentuk sumbangan daripada sektor korporat dalam menjalankan sebarang aktiviti CSR secara kerjasama dua pihak. Berikut adalah di antara program yang mendapat sumbangan sektor korporat:

1. Hari Keluarga UNISEL
2. Program Penghijauan UNISEL
3. Istiadat Konvokesyen UNISEL kemaskini
4. Hari Terbuka UNISEL
5. Khidmat Bakti Siswa UNISEL
6. Sukan MASISWA
7. Gotong Royong Perdana UNISEL
8. Laluan Berbumbung Pelajar Dari Asrama Ke Masjid UNISEL – kampus Bestari Jaya
9. Program Kesedaran Halal & Prospek Kerjaya.

Untuk makluman, Universiti Selangor telah melancarkan Projek UNISEL Cakna dan telah digerakkan sebagai ***University Social Responsibility (USR)*** kepada komuniti sejak akhir tahun 2015. Tahun 2016 dan 2017, MBI Selangor telah menyalurkan peruntukan RM600,000.00 pada tahun 2016 dan RM1,000,000.00 pada tahun 2017.

Bagi tahun 2018 dan 2019 kebanyakannya **program USR** adalah di kalangan persatuan pelajar dan di bawah subjek Pengajian Umum iaitu khidmat

masyarakat. Program memberi fokus kepada gotong royong, alam sekitar, khidmat pendidikan, OKU, pemberdayaan wanita, pengukuhan skil & bahasa serta bakti siswa dengan kerjasama kampung, pusat khidmat masyarakat, NGO, dan agensi kerajaan. Pihak UNISEL hanya memberikan peruntukan *seed fund (money)* bagi menampung kos operasi asas di kalangan pelajar selebihnya adalah berdasarkan tajaan daripada pihak luar. **UNISEL sangat mengalu-alukan bentuk dana pembiayaan daripada sektor korporat bagi melaksanakan CSR** selain itu ianya akan menjadi nilai tambah kepada pembentukan karakter pelajar dan nilai mata dalam **ranking SETARA**.

Di samping itu pembiayaian mengurus UNISEL makin bertambah dan membebankan. Pembiayaian daripada kerajaan negeri adalah terhad. UNISEL digalakkan untuk bekerjasama dengan sektor korporat dalam usaha untuk menambah pendapatannya. Kerajaan negeri dan MBI tiada menghalang UNISEL dari bekerjasama dengan sektor korporat dan kerajaan negeri menggalakkan sektor korporat untuk membantu UNISEL dalam perkara ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : PELANCONGAN DI TMS 2020

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi kawasan Sepang khususnya di Sungai Pelek dalam menyokong industri ecotourism dan agrotourism khususnya dalam menghadapi Tahun Melawat Sepang 2020?
 - Apakah status perancangan Kerajaan Negeri dalam membina jambatan di antara Sungai Sepang Besar ke Bukit Pelanduk?

JAWAPAN:

- Kawasan Sungai Pelek telah pun dikenalpasti sebagai jajaran Kluster Eko Pelancongan di sepanjang persisiran Pantai Morib hingga ke Sungai Pelek. Melalui Kluster Eko Pelancongan ini juga disenaraikan oleh Kerajaan Negeri sebagai produk eko pelancongan yang komersial seperti Pantai Bagan Lalang, Hutan Paya Bakau, Banghuris Homestay, IKS Banghuris, Sungai Sepang Besar, Ladang Buah Naga dan Agrotek Sepang

Pelbagai program telah dirancang dalam menghadapi Tahun Melawat Sepang 2020 melalui kerjasama antara UPEN, Tourism Selangor, Majlis Perbandaran Sepang dan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Sepang dalam mempromosikan produk-produk pelancongan di Kawasan Sungai Pelek. Antaranya, Program Promosi FAM TRIP bersama pihak media dan blogger disamping Program Lawatan Teknikal Bersama Jurugambar Profesional Kuala Lumpur Photography Festival yang diadakan dengan memfokuskan pada ecotourism dan agrotourism ini. Selain itu, program-program pelancongan bertaraf antarabangsa juga diadakan untuk menarik pengunjung dari dalam dan luar Negara di produk-produk pelancongan Sungai Pelek seperti Pesta Pantai Bagan Lalang, Program Menyusuri Sungai Sepang Besar , Festival Homestay Banghuris dan Festival Buah Naga. Dengan adanya program-program ini yang telah dimasukkan dalam Kalender Acara TMS2020 ia telah membantu juga kepada usaha penambahbaikan infrastruktur di kawasan pelancongan terbabit.

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk pelancongan di kawasan Sepang sempena Tahun Melawat Sepang 2020 dan berusaha membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Antara peranan Tourism Selangor untuk mempromosikan Sepang sebagai destinasi pelancongan ini adalah seperti berikut:-

i) Menggunakan kaedah Digital dan Online bagi mempromosikan produk pelancongan

Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor mempergiatkan aktiviti promosi melalui kaedah digital yang memberikan impak yang lebih besar melalui beberapa platform hebat secara online. Antara usaha yang telah dan sedang dijalankan adalah seperti berikut:-

- Penjenamaan semula laman sesawang Tourism Selangor kepada Selangor.Travel
- Pelancaran Kempen Digital dan online bagi pasaran Jepun melalui platform rasmi Tourism Selangor seperti Facebook, Twitter, Instagram dan Laman Web Direktori Pelancongan dalam bahasa Jepun.
- Pelancaran Kempen Promosi Digital melalui Facebook Rasmi Tourism Selangor dalam bahasa Arab.
- Pelancaran Kempen Promosi Digital bagi pasaran China, Hongkong dan Taiwan melalui Facebook Bahasa Mandarin, Weibo dan Wechat.

ii) Mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan Sepang di dalam siri promosi di dalam dan luar negara yang disertai bagi tahun 2019.
Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism Selangor seperti berikut;

- Program MATTA Fair (2 kali setahun)
- Malaysia Inbound Travel Fair 2019
- Program Skuad Kembara Sekolah 2019
- Kuala Lumpur Photography Festival 2019

iii) Program promosi luar negara yang disertai oleh Tourism Selangor dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) di ITB Berlin bagi Pelancaran Tahun Melawat Sepang 2020.

iv) Penganjuran Program FAM Trip (Familiarization Trip)

Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran Sepang serta produk-produk pelancongan di daerah Sepang untuk menganjurkan

sesi lawatan tapak atau FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan agensi media tempatan dan antarabangsa sepanjang Tahun 2019.

- b) Projek yang dimaksudkan adalah projek Membina Jalan Dari Jambatan Sg. Sepang bagi menghubungkan Kampung India Bukit Pelanduk Port Dickson dengan Bandar Sg. Pelek, Sepang Selangor. Projek ini telah ada dalam perancangan dan pelaksanaan oleh Bahagian Luar Bandar, Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Status terkini projek adalah di peringkat proses pengambilan tanah di kawasan yang terlibat di Daerah Sepang yang melibatkan 3 lot Individu.

.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : KOMPLEKS SUKAN

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kompleks Sukan MPKj di Seksyen 15 Bandar Baru Bangi adalah pusat aktiviti sukan di Sungai Ramal. Trek balapan di kompleks tersebut rosak teruk. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kemudahan di kompleks ini?
- b) Bilakah pembaikan akan dilaksanakan?
- c) Berapakah jangkaan kosnya?

JAWAPAN:

- a) Pihak MPKj akan memohon peruntukan Tabung Amanah Caj Pemajuan MPKj pada 23 Julai 2019 yang melibatkan kerja baikpulih trek balapan. Dimaklumkan juga pihak majlis telah menyerahkan permohonan peruntukan kepada Kementerian Belia Dan Sukan pada 14 November 2018 untuk kerja baikpulih trek balapan, pemasangan artificial turf dan pemasangan lampu limpah.
- b) Pelaksanaan dijangka pada November 2019.
- c) Kos untuk permohonan Caj Pemajuan untuk trek balapan dan baikpulih bangunan kompleks sukan berjumlah RM1.26juta

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KOMUNITI SELANGOR

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program latihan hos komuniti selangor ?
- b) Nyatakan jumlah yang telah digunakan sehingga kini.

JAWAPAN:

- a) Program latihan Hos Komuniti Setempat yang dianjurkan oleh Tourism Selangor sejak tahun 2018 adalah program latihan yang pertama seumpamanya di Malaysia. Program ini bertujuan melahirkan pemandu pelancong setempat yang mampu menjadi '*Community Champion*' untuk mengenal pasti, mempelopori dan menggerakkan pelancongan budaya yang berdasarkan komuniti ("*community based cultural tourism*").

Bagi memastikan kejayaan kursus ini, Tourism Selangor telah berkerjasama dengan dua agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya. Kerjasama dengan dua agensi ini telah memastikan kursus ini dilaksanakan selari kursus Pemandu Pelancong Bandar (**Lencana Biru**) dan Pemandu Pelancong Alam Semulajadi (**Lencana Hijau**).

Standard dan kurikulum kursus ini telah dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran dengan mengikut dan mematuhi Kerangka Persijilan Kemahiran Malaysia. Standard dan kurikulum kursus ini telah digazetkan oleh Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan pada bulan Mei 2018. Bagi tujuan pelesenan pula, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya telah bersetuju untuk mengeluarkan lesen pemandu pelancong setempat di bawah Akta Pelancongan 1992 dengan mewujudkan satu kategori baru hos komuniti setempat iaitu lencana merah.

Bagi tujuan mengenalpasti peserta kursus, Tourism Selangor telah bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan, khususnya dengan ahli-ahli Majlis. Ini akan dimulakan dengan taklimat kepada Mesyuarat Majlis dan diikuti dengan ahli-ahli

Majlis menghantar nama-nama calon kepada bahagian yang bertanggungjawab di Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan. Temuduga calon dilaksanakan oleh Tourism Selangor.

Untuk tahun 2018, sebanyak **21 orang pemandu pelancong** telah berjaya mengikuti kursus latihan dengan jayanya daripada 3 Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat iaitu, **Majlis Perbandaran Klang, Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam**.

Bagi tahun 2019, sebanyak **30 orang peserta** sedang menjalani latihan yang akan menamatkan sesi latihan pada suku tahun keempat 2019, daripada 3 Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat iaitu **Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat**.

- b) Sebanyak **RM375,000.00 (Ringgit Malaysia, Tiga Ratus Tujuh Puluh Lima Ribu Sahaja)** telah dibelanja dan diperuntukkan bagi Program Pembangunan Modul dan Latihan “Hos Komuniti Selangor” Pemandu Pelancong Setempat 2019 untuk 3 buah PBT dalam jangka masa 9 bulan, mengikut pecahan seperti berikut:-

BIL	JENIS KOS	JUMLAH KOS
a)	Kos Yuran Pengajian dan Latihan	106,150.00
b)	Kos Makan/Minum, Penginapan dan Logistik	91,200.00
c)	Penghasilan Peta Budaya	39,600.00
d)	Insentif Kepada Peserta	40,000.00
e)	Perbincangan Pemegang Taruh	4,800.00
f)	Logistik Urusetia	3,000.00
g)	Majlis Graduasi & Penganugerahan Sijil	60,250.00
h)	Pembangunan & Pemasaran Pakej Hos Komuniti Selangor	30,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	RM375,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)

TAJUK : MB INCOPORATED (MBI)

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sistem yang diamalkan oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) untuk memastikan akauntability dan ketelusan dari segi urustadbir?
- b) Sila senaraikan projek pembangunan yang dijalankan oleh MBI sejak tahun 2018, dan keuntungan yang diperolehi.

JAWAPAN:

- a) Sebagai badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [Enakmen No. 3, Tahun 1994] pada 21 September 1994, MBI sentiasa mengutamakan amalan terbaik tadbir urus korporat bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti dan kecekapan dalam menjalankan tanggungjawab untuk menyokong agenda Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan ekonomi dan kebajikan rakyat di Negeri Selangor. Sehubungan itu, MBI mempraktikkan amalan terbaik tadbir urus korporat dan, di mana sesuai, menerimapakai amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (“*Malaysian Code of Corporate Governance*” atau “MCCG”) yang hanya terpakai kepada syarikat-syarikat tersenarai Top 100 di Bursa Malaysia.

Bagi memenuhi Prinsip Pertama MCCG iaitu Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah, MBI telah menubuhkan tiga (3) Jawatankuasa Lembaga Pengarah iaitu Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan bagi membantu Ahli Lembaga Pengarah MBI mentadbir urus MBI.

Bagi memenuhi Prinsip Kedua MCCG iaitu Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan, MBI telah mewujudkan Jabatan Audit Dalaman yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko yang dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif Yang Bebas. Jabatan Audit Dalaman MBI juga melaksanakan pelan audit secara berkala yang melibatkan audit ke atas anak-anak syarikat MBI bagi memastikan kawalan dalaman mencukupi dan efektif.

Bagi memenuhi Prinsip Ketiga MCCG iaitu Integriti Pelaporan Korporat, MBI telah menyelaraskan sistem perakaunan MBI dan anak-anak syarikat dan mematuhi piawaian ***Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*** yang mengutamakan ketelusan pelaporan, akauntabiliti dan kecekapan.

- b) Projek usahasama pembangunan tanah yang ditransaksi oleh MBI sejak tahun 2018 adalah seperti butiran berikut :-

- Sg Serai, Bandar Kundang
- Kg. Kubu Gajah, Mukim Sg Buloh

Pada masa ini, projek ini masih dalam proses memenuhi *condition precedents* (pra-syarat) yang dipersetujui sebelum sebarang kerja dijalankan. Projek usahasama pembangunan tanah dengan pemaju yang dilantik oleh MBI menerusi proses tender terbuka ini adalah projek-projek jangka panjang di mana keuntungan serta perolehan yang bakal direkod dan diperolehi bergantung kepada pematuhan *condition precedents* yang telah dipersetujui.